

# Memikat bukan Melayu sertai sektor awam

>>Oleh Mohamad Sofee Razak

**M**ENTERI Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) baru-baru ini, mencadangkan agar kerajaan memasihkan sekurang-kurangnya 10 hingga 15 peratus pekerja sektor awam terdiri daripada kaum bukan Melayu.

Kaum bukan Melayu digalakkan berkhidmat dalam sektor awam bertujuan menepis persepsi sesetengah pihak kononnya hanya orang Melayu dipilih untuk bekerja dengan kerajaan.

Kerajaan pada hakikatnya, dari dulu hingga sekarang, tidak pernah pilih kasih antara orang Melayu dan kaum lain, malah menggalakkan semua kaum bekerja dalam perkhidmatan awam.

Namun begitu kurangnya minat ditunjukkan untuk berkhidmat dengan kerajaan dan tidak banyak permohonan daripada kalangan kaum Cina dan India adalah antara faktor utama wujud jurang besar antara dua golongan itu dengan tenaga kerja Melayu dalam sektor perkhidmatan awam di negara ini.

Statistik Suruhanjaya Per-

khidmatan Awam (SPA) menunjukkan pada 2006, daripada 486,802 individu yang memohon untuk menyertai sektor awam, hanya 1.78 peratus kaum Cina dan 2.5 peratus kaum India memohon.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu pula dilaporkan menyebut hanya 46,054 kaum India bekerja dalam perkhidmatan awam yang menggaji 1.2 juta orang.

Ini berkemungkinan besar kerana sifat keusahawanan yang tinggi di kalangan kaum Cina dan India sejak turun-temurun yang menyaksikan premis perniagaan mereka bertapak kukuh di hampir semua bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Klang dan Sungai Petani.

Dimensi dan jaringan perniagaan kaum bukan Melayu juga begitu luas meliputi sektor peruncitan, penerbitan, baik pulih dan penyelenggaraan, barangan elektronik, tekstil dan penyediaan makanan.

Situasi itu menjadikan golongan bukan Melayu menyumbang kepada pertumbuhan negara sejak dulu lagi serta membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada

rakyat dalam sektor swasta di samping menarik pelaburan dari luar negara.

Di samping itu, persepsi sebahagian besar masyarakat bukan Melayu yang melihat sektor awam tidak menjamin masa hadapan yang cerah jika gaji bulanan diambil kira turut menjadi satu faktor.

Gaji yang rendah, masalah kenaikan pangkat yang lambat dan pelbagai kerenah birokrasi lain turut membantut penyertaan bukan Melayu dalam sektor awam berbanding sektor swasta.

Peluang luas dalam sektor perindustrian dengan pembukaan banyak kilang di Selangor, Pulau Pinang dan negeri lain serta peluang dan ruang perniagaan terbuka luas juga menjadi sebab bukan Melayu tidak berminat dengan sektor awam.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Ismail Adam, dipetik sebagai berkata dalam urusan pengambilan kakitangan awam, kerajaan sentiasa berusaha memastikan tidak wujud perbezaan ketara antara kaum dalam senarai penjawat awam di semua peringkat.

Kerajaan tidak pernah me-

Bilangan pemohon kerja kerajaan pada 2006

486,802

Peratusan pemohon kaum Cina

1.78%

Peratusan pemohon kaum India

2.5%

ngamalkan sikap pilih kasih atau diskriminasi dalam pengambilan kakitangan baru sama ada peringkat Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Pegawai Tadbir Awam (PTA), perkhidmatan awam dan sebagainya.

Dalam prosedur biasa pengambilan penjawat awam,

aspek utama yang diberi perhatian ialah merit atau kelayakan akademik, bukannya atas kapasiti kaum.

Soal diskriminasi kaum tidak pernah timbul dalam isu pengambilan penjawat awam.

Ini adalah bagi memastikan sistem penyampaian awam bermutu, berkredibiliti, dihormati dan membantu rakyat berurusan dengan kerajaan sebaik mungkin.

Mengikut Perka 144 (1) Perlembagaan Persekutuan, SPA berkuasa melantik pegawai untuk menyertai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri di Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis dan Melaka.

SPA sudah mengambil 16,388 kakitangan baru pada 2004 dan 17,031 pada 2005 serta 18,544 kakitangan baru pada 2006.

Pengambilan itu turut membabitkan penyertaan bukan Melayu dalam pelbagai sektor awam dan negeri bagi mengisi kekosongan yang ada serta bagi memastikan sistem penyampaian berjalan lancar selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang amat mementingkan prestasi, inovasi dan kualiti dalam usaha kerajaan

atau melebihi Bumiputera saja dalam pengambilan baru penjawat awam.

Melihat kurangnya minat bukan Melayu menyertai sektor awam, maka pemimpin politik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), aktivis masyarakat, tokoh pendidikan dan institusi agama masyarakat Cina dan India perlu berganding bahu membantu kerajaan dalam usaha menarik minat kaum mereka berkhidmat dalam sektor awam.

Penyertaan itu perlu dijadikan sebagai satu misi nasional yang bertujuan untuk meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan akan terlaksana dengan jayanya dengan penyertaan beramai-ramai bukan Melayu dalam perkhidmatan awam.

Ini adalah bagi menangkis sikap prejudis dan tohmahan

kualiti dalam usaha kerajaan meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam; meningkatkan tadbir urus dan etika perniagaan serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat tanpa perbezaan kaum.

Isu berkaitan jurang antara kaum, pilih kasih dan diskriminasi yang ditimbulkan golongan berkepentingan adalah amat tidak praktikal sama sekali memandangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri dalam jawapan bertulis di Parlimen baru-baru ini, menjelaskan pelbagai langkah diambil bagi menambah penyertaan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam, termasuk mengiklankan kekosongan jawatan dalam akhbar Cina dan Tamil, selain memudahkan proses permohonan menerusi laman web.

Langkah itu membuktikan bahawa kerajaan memang bersungguh-sungguh berusaha dan komited menarik minat kaum bukan Melayu untuk menyertai sektor awam, sekali gus melambangkan ketelusan kerajaan yang tidak pernah meminggirkan kaum lain

sikap prejudis dan tohmahan yang mendakwa kerajaan hanya mementingkan kaum Bumiputera dalam sektor awam dan membelakangkan kaum lain.

Usaha untuk menarik lebih ramai penyertaan bukan Melayu adalah selaras dengan pelan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang merupakan satu rancangan komprehensif bagi memajukan semua sektor, wilayah dan masyarakat di Malaysia.

Setiap rakyat juga perlu menjiwai falsafah dan semangatnya bagi membawa Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Mungkin pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam tahun lalu diharapkan dapat menarik minat lebih ramai bukan Melayu untuk berkhidmat dalam sektor awam yang turut menyediakan pelbagai insentif sampingan lain.

Kelebihan dan kemudahan itu mampu membuka mata dan mengubah persepsi bukan Melayu terhadap perkhidmatan dalam sektor awam.

>Penulis adalah peguam bela dan peguam cara